

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Untuk Perkhidmatan Konsultan Bagi Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S di Petronas Gas Berhad Johor
TARIKH PELAKSANAAN	:	18 – 19 Februari 2021
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	RM1,800.00/Operasi
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	OED/MPC Wilayah Selatan
IMPAK	:	• Memenuhi permintaan pelanggan untuk melaksanakan kursus permintaan. • Melaksanakan latihan sebagaimana yang diperlukan oleh pelanggan.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK PERKHIDMATAN KONSULTAN BAGI
KURSUS AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S
DI PETRONAS GAS BERHAD JOHOR

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC bagi permohonan peruntukan untuk perkhidmatan konsultan bagi Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S di Petronas Gas Berhad Johor. Kursus ini dijadualkan akan diadakan pada 18 – 19 Februari 2021.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S adalah salah satu program yang ditawarkan kepada pelanggan MPC sama ada di sektor awam atau pun swasta iaitu dalam bentuk latihan atau pun audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S.

2.2 Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S akan dapat membantu membentuk persekitaran berkualiti di organisasi yang mengamalkannya. Persekitaran sebegini akan dapat membentuk budaya kerja yang mementingkan kebersihan, kesihatan, keselamatan dan output yang bermutu. Hasilnya kualiti dan produktiviti kakitangan akan meningkat di samping moral pekerja akan turut menjadi lebih tinggi.

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

- 3.1 Pelantikan konsultan yang berwibawa dan professional adalah penting bagi memastikan perkhidmatan latihan kepada pelanggan MPC dapat dicapai dan mengikut prosedur yang tepat.
- 3.2 Bagi memastikan kualiti penyampaian konsultan yang dilantik untuk menjalankan latihan adalah cemerlang dan berjaya mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan oleh pelanggan.

4.0 ANGGARAN KOS

- 4.1 Anggaran kos perkhidmatan konsultan bagi kursus ini adalah sebanyak RM900.00 bagi tempoh masa empat (4) jam.
- 4.2 Tempoh masa kursus yang telah dipersetujui bersama adalah selama lapan (8) jam dan mengambil masa selama dua (2) hari dengan kos perkhidmatan berjumlah RM1,800.00 dan menggunakan peruntukan operasi.

5.0 SYOR

- 5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon bagi meluluskan permohonan peruntukan untuk Perkhidmatan Konsultan Bagi Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S di Petronas Gas Berhad Johor dengan kos sebanyak RM1,800.00.

Disediakan oleh:



Nahdatul Faeizin Norman
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 7 Februari 2021

Disahkan oleh:



Zainudin Haji Elias
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 7 Februari 2021